

Newspaper	Berita Harian
Date	16/8/2014

Maklum balas awam bantu bentuk bajet

(BH - 16/8/2014)

» Meningkatkan taraf hidup rakyat jadi keutamaan: PM

Oleh Mohd Azrone Sarabatin
azrone@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Maklum balas awam dalam pembentangan Bajet 2015 amat penting untuk membantu meningkatkan taraf hidup rakyat, termasuk golongan orang kurang upaya (OKU), kata Datuk Seri Najib Razak.

Sebagai contoh, kata Perda-

na Menteri, hasil maklum balas awam dalam Bajet 2014 berjaya mengubah kehidupan seorang OKU untuk meningkatkan pendapatan.

Katanya, kemalangan yang menimpa N Wisam Ujang menyebabkan beliau bukan saja cacat penglihatan, malah kehilangan punca pencarian.

Beliau berkata, menerusi Program Kebajikan Rakyat 1Malaysia (KAR1SMA), Wisam menerima geran berjumlah RM2,700 bagi membantu memulakan perniagaan.

"Selain itu, melalui program sama, beliau menerima dua set peralatan sauna bernilai RM3,100. Wisam bertekad untuk meneruskan hidup dan memperoleh sijil dalam urutan dan refleksologi daripada


Persatuan Bagi Orang Buta Malaysia (MAB)," katanya dalam entri terbaharu menerusi laman Facebooknya, semalam.

Hantar cadangan

Najib yang juga Menteri Kewangan berkata, ini membuktikan kepentingan rakyat sentiasa menjadi perhatian dan diutamakan oleh kerajaan.

Sehubungan itu, katanya, kerajaan mengambil kira maklum balas awam dan menghargai usaha berterusan untuk membantu pembentukan Bajet 2015.

"Rakyat Malaysia boleh mengundi atau menghantar cadangan berhubung Bajet 2015 menerusi laman sesawang <http://1malaysia.com.my/bajet2015>," katanya.



Najib Razak

Dalam pada itu, Najib turut tertarik dengan cadangan seorang rakyat negara ini untuk Bajet 2015 berhubung subsidi insurans.

"Muhd Musoddiq memberi cadangan berkaitan penambahan subsidi insurans kepada golongan berpendapatan rendah. Sekiranya anda menyokong cadangan beliau, sila maju ke laman <http://bit.ly/Bajet2015> atau boleh menyuarakan cadangan sendiri," katanya.